

**NO. SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9954**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai warga negara asing dan mana negara asal mereka yang telah membuat laporan polis terhadap syarikat atau individu Malaysia yang disyaki mengoperasi Money Game atau skim cepat kaya pada tahun 2017. Senaraikan syarikat-syarikat yang disyaki menjalankan skim cepat kaya yang melibatkan pelabur warga asing.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan perhatian yang khusus berhubung kes-kes penipuan yang menggunakan modus operandi skim cepat kaya atau *money game* di Malaysia. Mangsa-mangsa bukan sahaja terdiri daripada rakyat tempatan malah turut melibatkan negara luar. Dalam semakan PDRM, seramai 90 orang warga asing telah menjadi mangsa skim cepat kaya pada tahun 2017.

Statistik jumlah mangsa, negara dan syarikat skim cepat kaya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Syarikat Skim Cepat Kaya</b>	<b>Warganegara Mangsa</b>	<b>Jumlah Repot</b>
1.	Jie Jiu Pu Tung Ren (JJPTR)	Taiwan	1
2.	Monospace	China	84
3.	MBI	China	1
4.	Morgage Capital Sdn. Bhd (MGC)	Yemen	4
<b>Jumlah</b>			<b>90</b>

**PDRM menjalankan siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Penipuan) dan pertuduhan di Mahkamah. Siasatan juga dilakukan di bawah Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUAA) selain tindakan pencegahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). PDRM telah mengadakan mesyuarat secara berkala dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi tujuan pembanterasannya selain pendidikan kepada orang awam bagi mengelak menjadi mangsa skim penipuan pelaburan.**